

13 SEP 2003

KLCI-MINGGUAN/I

NIAGA HADAPAN KLCI DINIAGAKAN TINGGI MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Kontrak-kontrak niaga hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) di Bursa Derivatif Malaysia (MDEX) berkemungkinan diniagakan tinggi minggu depan seiring dengan pergerakan indeks tunai yang dijangka kekal kukuh.

Para pelabur akan memantau secara dekat prestasi pendasar Indeks Komposit (IK), Wall Street dan senario ekonomi semasa.

"Kebanyakan para pelabur begitu barharap yang IK mampu mengekalkan tahapnya melebihi tahap semasa 740.94," kata seorang peniaga.

Beliau menambah yang pasaran niaga hadapan dan tunai secara teknikalnya telah bersedia untuk mencatatkan perolehan yang tinggi, dirangsang oleh keyakinan para pelabur ekoran pembentangan positif Bajet 2004 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Jumaat.

Peniaga itu berkata pasaran mungkin diniagakan tinggi selepas perdana menteri membentangkan bajet yang menggariskan beberapa inisiatif dasar berani.

Dalam perkembangan lain, Laporan Ekonomi 2003/2004 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan hari ini menyatakan yang ekonomi Malaysia akan berkembang sebanyak 5.5 hingga 6.0 peratus dalam tahun 2004, dipacu oleh pemulihan dalam permintaan global sementara pendapatan akan mengurangkan defisit fiskal.

Berdasarkan kepada perbandingan Jumaat-Jumaat, bulan semasa Sept'03 susut 15.9 mata kepada 739.0 dan bulan jarak dekat Okt'03 susut 18.4 mata kepada 740.1.

Kontrak Dis'03 dan Mac'04 tidak diniagakan.

Sejumlah 4,401 lot diniagakan minggu ini berbanding 2,448 lot minggu sebelumnya.

Kedudukan terbuka ialah 2,780 kontrak, lebih tinggi berbanding 2,735 kontrak Jumaat lepas.

Pendasar IK ditutup 15.54 mata lebih rendah kepada 740.94 pada hari Jumaat berbanding 756.48 minggu lepas. -- BERNAMA

TNS AA